

## Bahaya telah Tumbuh dari dalam Bumi\*



NILAH kali pertamanya Majlis Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu bersidang daripada semenjak masanya terdiri Persekutuan Tanah Melayu dan kepada Pulau Pinang inilah telah ditangguhkan kemuliaan menerima wakil-wakil dan pemerhati-pemerhati dan mengadakan persidangan ini bagi kali yang pertama dalam tahun ini dari semenjak terdirinya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Saya percaya tidak seorang pun di antara wakil-wakil dari lain-lain negeri yang menaruh iri hati kepada Pulau Pinang. Oleh kerana tiap-tiap wakil sebagaimana pegawai-pegawai pertubuhan ini juga telah tahu adalah sebuah kota dan kubu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang kuat ialah terletakinya di Pulau Pinang. Kubu inilah berbagai-bagai jenis musuh cuba meruntuhkan tetapi usahkan runtuh, dari sehari ke sehari dari seminggu ke seminggu dan dari sebulan ke sebulan bertambah kuat dan pegawai-pegawai serta pengawalnya semakin ramai.

Bagi kali yang pertama saya bangun ini iaitu semenjak Majlis ini bersidang semasa Persekutuan Tanah Melayu terdiri maka saya ambil peluang menghuraikan sedikit perjalanan siasah atau politik terutama sekali yang menepati kaum Melayu yang dijalankan dengan terang atau dengan sulitnya di dalam Semenanjung Tanah Melayu kerana telah patut seseorang Melayu mengetahui apa perjalanan siasah yang dijalankan di Tanah Melayu dan di mana tujuan perjalanan siasah itu di sisi Melayu dan bagaimana caranya ia dijalankan dengan tujuan hendak memujuk Melayu supaya berserta

---

\* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Sekolah Francis Light, Pulau Pinang, pada 23 dan 24 April 1948.

dengan pihak tikaman dan siasahnya iaitu pihak yang hendak menikam orang Melayu sendiri.

Tuan-tuan tentulah ingat lebih kurang setahun atau setahun setengah dahulu saya telah mengingatkan kepada umat Melayu tatkala bercakap di merata-rata Semenanjung terutama di sebelah selatan akan berbagai-bagai bahaya dari hutan masih ada dan dari gunung pun masih ada lagi, tetapi ada lagi satu merbahaya iaitu yang tumbuh daripada tanah yang bersembunyi dan menjalankan akarnya hendak mengait umat Melayu terhentak dan jatuh.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ini telah berdiri dengan tidak berganjak daripada tujuan hendak menyatukan umat Melayu supaya dapat berdiri dan bekerja bersama-sama kerana memelihara tanah air dan agama serta bangsanya.

Dua tahun lebih kurang pertubuhan telah berjalan dengan sokongan umat Melayu tetapi dalam masa dua tahun itu tidaklah ia terkurang daripada ditentang atau dihalang oleh yang berikhtiar dengan sedaya upayanya terkadang mendustakan perbuatan dan kadang-kadang mengelirukan perbuatan serta mengelirukan kepada umat Melayu yang bertabur di Semenanjung Tanah Melayu ini.

Tuan-tuan sekalian, tentulah ada membaca di dalam akhbar-akhbar dan terpulanglah kepada tuan-tuan sendiri menyiasat perkara ini dengan lebih dalam sehingga dapat gambaran yang sebenar.

Berjenis-jenis orang telah berikhtiar memujuk Melayu supaya bersefikiran dengan pujukan berjanji akan menyampaikan cita-cita Melayu bukan dalam perkara siasah lagi bahkan sehingga kepada akhirat pun ada juga.

Hal yang berlaku ini bukan terasing daripada anak-anak negeri di sekeliling Tanah Melayu, bukan terasing daripada hal-hal di Eropah, Amerika, Australia, Afrika dan segala ceruk rantau di seluruh dunia ini. Barang yang nampak kepada kita ialah yang semata-mata disangkakan ialah berkenaan dengan penduduk-penduduk negeri tetapi jika dapat diselak tabir itu nampak pulalah kehendak yang akhirnya didapati ialah bagi lain negeri.

Tuan-tuan mesti fikir di mana saya dapat keterangan saya bahawa bahaya ada keluar dari hutan, turun dari gunung dan sekarang tumbuh dari dalam bumi. Selain daripada menjadi Yang Dipertua Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu saya adalah juga menjadi ketua Jabatan Siasah Pekembar ini. Sebagai seorang Ketua Siasah

itu tidaklah sunyi saya daripada membaca berbagai-bagai jenis surat khabar sama ada Melayu, Inggeris, Cina dan India dengan sesuatu perkhabaran yang diperdapat dan sesuatu siasat yang dijalankan itu dapatlah disusun sungguhpun tidak terang akan tetapi memadailah dapat disaksikan gambar yang terbayang itu bukan yang menyelamatkan Melayu melainkan merosak dan menjahanamkan umat Melayu serta agama sekali.

Gambar yang saya sebutkan hendaklah diselidik dengan menggunakan fikiran supaya yang kusam itu menjadi terang bagaimana yang saya kata dengan mencantumkan fikiran di antara satu dengan lain dapat kita lihat setengah daripada setengah pihak yang kononnya berjalan bagi faedah Melayu itu lihatlah percampurannya dengan siapa? Lihat daripada percakapan yang keluar daripada wakil-wakil dalam majlis atau kumpulan itu maka akan nampak tujuan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang kononnya berdiri kerana keselamatan negeri dan agama umat Melayu. Barang yang nyata sekali adalah dapat disaksikan bahawa pihak-pihak itu telah mengeluarkan bantahan tidak hendak menyertakan diri dalam penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Di situ kita dapat lihat kumpulan itu ada pula berjenis-jenis fikiran dan jalan serta tujuan.

Kita telah lihat *Communist Party of Malaya* bersahabat, berunding dan bermuafakat dengan Parti Kebangsaan Melayu. Parti ini pula bersahabat, berunding dan bermuafakat dengan persekutuan-persekutuan lain. Sekiranya saya siasat apa benda yang sebenar-benarnya tumbuh dari bumi itu ialah cendawan yang beracun. Sungguhpun cendawan yang beracun ini telah tumbuh di merata-rata negeri Melayu dan kampung-kampung tetapi syukurlah umat Melayu kebanyakannya pandai memilih dan membezakan cendawan yang baik daripada yang beracun itu. Sekarang pihak itu bukan telah terhenti melainkan pula telah menjalankan hasutan dengan menggunakan nama agama, dengan menggunakan iman dan kepercayaan Melayu yang beragama Islam itu.

Saya percaya tuan-tuan sekalian telah membaca dan tahu atau telah pergi sendiri ke Gunung Semanggol sedikit hari dahulu. Saya tidak menyokong dan sudi memberi ingatan di Semenanjung ini jika pendapatan tuan-tuan akan mendatangkan bahaya. Lihat manakala di Gunung Semanggol satu rapat umum atau perjumpaan agung atau konfrensi diadakan, ada orang yang bersyarah berjanji-janji dan berbagai-bagai. Sesiapa hadir di situ? Sebenarnya ada orang Melayu,

sebenarnya ada Islam tetapi saya tidak fikir Gerald de Cruz dari puak Malayan Demokratik itu Islam.

Hairan seribu hairan kerana tidak salah ingatan de Cruz yang telah melawat merata-rata kampung dan berseru meminta sokong PUTERA dan *Council of Joint Action* (Lembaga Menjalankan Langkah Bersama-sama). PUTERA ialah yang berkehendakkan merdeka terus dan menawarkan peluang kepada Cina dan sesiapa juga menjadi Melayu dan Melayu jadi Melayu.

PUTERA dan *Council of Joint Action* telah memujuk Melayu supaya bersatu dengan segala bangsa lain serupa, sekedudukan dan setaraf. Melayu ada dilebihkan sedikit bilangan sebagai ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat.

Bandingkan pula tujuan yang dihebahkan di merata-rata kampung dan bandingkan pula dengan tujuan rapat umum di Gunung Semanggol hendak mendirikan sebuah kerajaan Islam tetapi untuk Melayu. Gunung Semanggol hendak mendirikan sebuah kerajaan Islam tetapi untuk Melayu. Kalau dikaitkan kepada Dasar Rakyatnya (People's Constitution) dan Tauke Tan Cheng Lock, maka Melayu bukan orang Melayu. Kerajaan Islam yang dikatakannya itu ialah untuk Melayu bukan kerana kita *Malays* bukan Melayu lagi.

Ada juga jalan lain bagi memujuk Melayu dengan pujukan yang berdiri di atas semangat bukan agama Islam. Pujukan itu kebanyakannya adalah ditumpukan kepada pemuda-pemuda Melayu supaya bersemangat, supaya berusaha dan taat setia menjalankan ikhtiar dan kerja membela tanah air dan kemerdekaan.

Ada sebuah pejabat di Kuala Lumpur yang telah membuat berbagai-bagai isytihar, berbagai-bagai buku yang dihebahkan di kampung-kampung memujuk rakyat Melayu dan berjanji akan mendirikan sekolah rakyat, sekolah agama, sekolah malam, berjanji memberi bantuan menolong rakyat jelata.

Di sini saya ingatkan kepada umat Melayu akan jalan siasah yang gelap dan akan merosakkan Melayu—Melayu putih kuning tetapi jika tidak dijaga akan menjadi merah pula. Perjalanan siasah yang saya sebut tadi adalah berjalan dengan kerasnya pada hari ini terhadap kepada pemuda-pemuda Melayu tetapi pula ada juga dengan jalan meresap dan masuk ke rumah Melayu kerana di situ tertutupnya kaum ibu Melayu.

Setahun dahulu saya telah nampakkan bahaya ini tumbuh, itulah sebabnya ahli-ahli Pekembar ini diingatkan supaya menuju satu

sahaja pertubuhan Melayu yang tidak dapat dilangkah atau diubah sebagai yang ada di kota Pulau Pinang ini.

Di merata-rata tempat saya dengar dan juga dari pihak yang tak bersetuju pun yang mengatakan apa yang telah dibuat oleh UMNO selain daripada bersidang, berjamu, bermain wayang tetapi orang itu tidak bertanya apa sesudah dia sendiri buat.

Saya telah berkata dahulu bahawa melawan Malayan Union itu perkara kecil dan yang berat ialah melawan Melayu sendiri. Melawan Melayu itu ialah melawan perangai, tabiat dan kelakuan Melayu sendiri iaitu tentang mengubah pembawaan Melayu sendiri. Sepuluh Malayan Union sepuluh boleh lepas, tabiat Melayu yang sebegitu dijauhkanlah hendaknya.

Hari ini ada 450 000 bangsa lain dalam kebun-kebun getah dan berlawan dengan itu ada 48 000 orang Melayu sahaja. Seorang yang bekerja itu bergaji di antara \$75.00 dengan \$90.00 sebulan maka diharapkan dengan 450 000 itu berapa banyaknya wang yang terlepas daripada tangan Melayu. Oleh itu hendaklah diubah perangai dan tabiat Melayu bekerja di kebun-kebun getah ini maka gaji itu akan dapat diperolehi.

Demikianlah saya kiaskan sedikit perjalanan siasah dan iktisad. Berkenaan dengan perkara iktisad ini belumlah masanya dapat saya menerangkan kepada majlis ini akan ikhtiar yang sedang dijalankan akan tetapi insya-Allah dalam tahun ini juga pertubuhan ini akan boleh mendirikan orang Melayu dalam medan iktisad bukan dengan mengutusnya, bukan digigit sedikit-sedikit tetapi hajat kita hendak menelan sampai ke perut.